

**SIARAN AKHBAR**  
**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN**  
**KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

Kempen 'Kenali Negara Kitani' Di Sabre Brunei Travel Fair 2023

---

- 1. Bandar Seri Begawan, 30 September 2023** – Jabatan Kemajuan Pelancongan meneruskan kempen pelancongan domestik dengan menyertai acara *Sabre Brunei Travel Fair 2023* yang diadakan selama dua hari bermula pada 30hb. September sehingga 1hb. Oktober 2023 bertempat di Pusat Membeli-belah One City.
2. Penglibatan Jabatan Kemajuan Pelancongan merupakan inisiatif berterusan Jabatan ini dalam mempromosikan pelancongan domestik di kalangan penduduk dan orang ramai. Melalui aktiviti ini, orang ramai berpeluang untuk mengetahui lebih 80 pakej-pakej pelancongan dalam negara yang ditawarkan oleh hotel-hotel, ejen-ejen pelancongan dan para penyedia perkhidmatan pelancongan tempatan.
3. Turut sama-sama menyertai petak pameran Jabatan Kemajuan Pelancongan kali ini adalah *Rizqun International Hotel* dan Rumah Panjang Mendaram Besar; yang antara lain mempromosikan pakej-pakej penginapan buat seisi keluarga ketika musim cuti persekolahan akan datang dan barangan kraftangan.
4. Orang ramai adalah dialu-alukan hadir untuk mengunjungi petak pameran Jabatan Kemajuan Pelancongan bertempat di *booth no. 6 & 8*, di *Sabre Travel Fair 2023* dan mengambil peluang untuk mendapatkan tawaran menarik yang diungkayahkan sepanjang pameran tersebut.
5. Untuk maklumat lanjut, sila kunjung Instagram @kenalinearakitani atau layari laman sesawang [www.bruneitourism.com](http://www.bruneitourism.com).

-tamat-

Disediakan oleh:

**Unit Perhubungan Awam**  
**Bahagian Promosi dan Pemasaran**  
**Jabatan Kemajuan Pelancongan**  
**Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan**